LAPORAN TAHUNAN | ASNB









ASB 3 Didik

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2024

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 DISEMBER 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI), Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP) dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023 (PITKD) telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Ketiga yang bertarikh 1 Disember 2023 (PITKT). Kemas kini yang dilakukan di dalam PITKT adalah seperti berikut:

1) Kemas kini definisi berkenaan *"Forward Price Funds"* dan *"Historical Price Funds"*; dan Penambahan definisi berkenaan *"ISCAP", "RMP" dan "SBL"* di bawah *"Glosari Terma / Singkatan"*;
2) Kemas kini maklumat berkenaan *"Pemegang Amanah"* dan *"Wakil Pemegang Amanah"* di bawah *"Direktori Korporat"*;
3) Kemas kini berkenaan *"Penentuan Harga"*, *"Polisi Pelaburan dan Strategi Pelaburan Utama"* dan *"Polisi Pembiayaan dan Pinjaman Sekuriti"* di bawah *"Informasi Tabung"*;
4) Kemas kini berkenaan *"Kawalan Risiko / Pengurusan Risiko"* dan *"Risiko Khusus untuk Melabur dalam Tabung-Tabung"* di bawah *"Potensi Risiko berkaitan dengan Tabung-Tabung"*;
5) Kemas kini berkenaan *"Penilaian Untuk Menentukan Nilai Aset Bersih"*, *"Penentuan Harga bagi Tabung Harga Hadapan"*, *"Polisi Penentuan Harga Tunggal bagi ASN, ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2, ASN Sara 1, dan ASN Sara 2"*, *"Pelaburan Semula Unit" dan "Penukaran Unit antara Tabung-Tabung"* di bawah *"Informasi Transaksi"*;
6) Kemas kini berkenaan *"Latar Belakang Pengurus - ASNB"* di bawah *"Pengurusan dan Pentadbiran Tabung"*;
7) Maklumat mengenai pelantikan baharu berkenaan *"Ahli Lembaga Pengarah – ASNB"* iaitu Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Pengerusi ASNB dan Encik Faisal Ariff bin Rozali Wathooth sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah *"Pengurusan dan Pentadbiran Tabung"*;
8) Kemas kini latar belakang pemegang amanah dan wakil pemegang amanah di bawah *"Pemegang Amanah"*;
9) Penambahan berkenaan *"Pengecualian dan Variasi daripada Garis Panduan Dana Unit Amanah"* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Tabung Harga Tetap di bawah *"Kelulusan dan Syarat"*; dan
10) Kemas kini berkenaan dengan *"Pengecualian Cukai untuk Amanah Saham Bumiputera 2"* di bawah *"Percukaian Tabung"*.

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKT ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1.	**MAKLUMAT TABUNG**	**1**
2.	**PRESTASI TABUNG**	**3**
3.	**LAPORAN PENGURUS**	**7**
4.	**PENYATA PENGURUS**	**14**
5.	**LAPORAN PEMEGANG AMANAH**	**15**
6.	**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 3 DIDIK**	**16**
7.	**PENYATA KEWANGAN**	**17**
	7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2024	17
	7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2024	18
	7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2024	19
	7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 30 Jun 2024	20
8.	**ALAMAT CAWANGAN ASNB**	**29**
9.	**MAKLUMAT KORPORAT**	**31**

LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK
(ASB 3 DIDIK)



Pemegang-pemegang unit ASB 3 Didik yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB 3 Didik dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB 3 Didik bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASB 3 Didik	Aset Campuran	Pertumbuhan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB 3 Didik adalah untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan.

***Nota**: ASB 3 Didik bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.*

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASB 3 Didik menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB 3 Didik akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 30 Jun 2024, seramai 325,072 individu telah menyertai ASB 3 Didik. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	279,340	85.93	199,903,034.22	2.59
5,001 hingga 10,000	15,421	4.74	107,604,111.57	1.39
10,001 hingga 50,000	17,313	5.33	366,737,590.41	4.75
50,001 hingga 500,000	10,228	3.15	1,756,855,452.52	22.77
500,001 dan ke atas	2,770	0.85	5,284,999,865.44	68.50
JUMLAH	**325,072**	**100.00**	**7,716,100,054.16**	**100.00**

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

A. Perumpukan Aset Bagi ASB 3 Didik Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)		
	2024	2023	2022
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	10.26	11.39	10.02
Barangan Bukan Asasi Pengguna	2.55	5.76	5.67
Barangan Asasi Pengguna	6.99	7.21	6.39
Tenaga	3.50	3.20	2.63
Kewangan	0.99	0.78	0.54
Penjagaan Kesihatan	2.41	3.27	2.25
Perindustrian	12.40	9.25	10.07
Teknologi	17.23	17.37	17.52
Bahan Asas	2.44	3.86	3.41
Hartanah	9.53	6.57	5.45
Utiliti	9.54	8.40	7.53
Jumlah	**77.84**	**77.06**	**71.48**
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Skim Pelaburan Kolektif Yang Disenaraikan	2.19	1.96	1.56
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	13.81	12.41	8.78
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.16	8.57	18.18
Jumlah	**100.00**	**100.00**	**100.00**

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1	Carsem (M) Sdn Bhd	6.85
2	Tenaga Nasional Bhd	6.31
3	Gamuda Bhd	3.80
4	Telekom Malaysia Bhd	3.15
5	SD Guthrie Bhd	3.02
6	Ombak Real Estate Sdn Bhd - RCPSI (B)	2.56
7	Axiata Group Berhad	2.14
8	Petronas Gas Bhd	2.00
9	MISC Bhd	1.86
10	Petronas Chemicals Group Berhad	1.42
11	Carsem (M) Sdn Bhd (Preference Share)	1.28
12	IJM Corporation Bhd	1.28
13	Microsoft Corp.	1.22
14	Maxis Bhd	1.13
15	IOI Corporation Bhd	1.08
16	CelcomDigi Berhad	1.06
17	KLCC Property Holdings Berhad	1.05
18	Taiwan Semiconductor Manufacturng Co Ltd	1.03
19	Sime Darby Bhd	1.02
20	Inari Amertron Bhd	0.93

Nota *: Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.*

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun		
	2024	2023	2022
Unit Dalam Edaran (Juta)	7,726.62	7,363.08	7,062.03
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	5.25	5.00	4.25
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	401.95	364.13	297.51
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Julai 2024	1 Julai 2023	1 Julai 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)[1]	0.57	0.51	0.53
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali)[2]	0.55	0.35	0.34

Nota:

1. *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB 3 Didik yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB 3 Didik untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 adalah tidak ketara.*
2. *Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB 3 Didik untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 adalah ketara disebabkan oleh aktiviti pembelian dan penjualan saham yang lebih tinggi pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.*

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, ASB 3 Didik telah memperuntukkan sejumlah RM401,948,111 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 5.25 sen seunit.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB 3 Didik adalah seperti berikut:

	30 Jun 2024		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%)[1]	5.25	4.83	4.60
Penanda Aras (%)	2.73	2.45	2.40

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. *Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-*
   (a) *Pulangan 1 tahun =* i_t
   Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
   (b) *Pulangan 3 tahun =* $\left[\frac{i_t+i_{t-1}+i_{t-2}}{3}\right]$
   (c) *Pulangan 5 tahun =* $\left[\frac{i_t+i_{t-1}+i_{t-2}+i_{t-3}+i_{t-4}}{5}\right]$

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB 3 Didik berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun				
	2024	**2023**	**2022**	**2021**	**2020**
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	5.25	5.00	4.25	4.25	4.25
Penanda Aras (%)	2.73	2.74	1.89	1.85	2.81

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB 3 Didik tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB 3 Didik. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana *"Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies"*. Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas perlaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASB 3 Didik ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, sekuriti tidak disenaraikan, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung. Tabung boleh melaburkan sehingga 90% daripada NAB pada kos dalam ekuiti dan selebihnya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Strategi pelaburan Tabung bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti domestik dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap serta pasaran wang. Pelaburan di dalam aset-aset ini difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tempoh tinjauan, prestasi pasaran saham telah dipengaruhi oleh persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih panjang, ketegangan geopolitik dan pemulihan ekonomi di China yang lebih perlahan daripada jangkaan. Namun begitu, tematik Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") telah memainkan peranan yang penting dalam memberikan impak positif kepada pasaran saham sejak suku kedua tahun 2023. Pengumuman projek berimpak tinggi oleh kerajaan Malaysia serta pelaburan asing dalam pusat data di Malaysia telah membantu prestasi pasaran saham tempatan.

i. Ekuiti

Tumpuan diberikan kepada aset ekuiti berbanding aset-aset yang lain bagi menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran saham yang diambil.

Sehubungan dengan itu, pelaburan Tabung dalam aset ekuiti telah dilakukan secara selektif dalam sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang mampan. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten.

a. Domestik

Bagi ekuiti domestik, antara sektor yang diberi tumpuan adalah sektor-sektor yang didorong oleh permintaan tempatan seperti sektor Hartanah, sektor Perindustrian dan sektor Utiliti. Untuk strategi jangka masa panjang, sektor Teknologi Maklumat turut diberi penekanan berikutan kitaran menaik teknologi.

Pada masa yang sama, pelaburan dalam sektor-sektor yang memberi pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor Amanah Pelaburan Hartanah ("REIT") turut diberi tumpuan. Pelaburan dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut adalah bagi memastikan Tabung dapat mencapai pulangan yang mampan dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar.

b. Antarabangsa

Bagi mempelbagaikan aset dalam portfolio pelaburan, Tabung turut melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa untuk menjana pulangan yang lebih kompetitif, mempelbagaikan risiko, dan disebabkan kadar kecairan pasaran ekuiti antarabangsa yang lebih tinggi berbanding pasaran ekuiti domestik. Pelaburan di pasaran ekuiti antarabangsa tidak hanya tertumpu kepada sesebuah negara, malah pelaburan telah dipelbagaikan ke beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan juga Asia Pasifik.

Portfolio pelaburan antarabangsa Tabung lebih tertumpu kepada pelaburan dalam sektor Teknologi Maklumat yang mendapat manfaat ekoran tematik global berkaitan AI. Di samping itu, pelaburan turut tertumpu kepada sektor-sektor yang lebih stabil atau defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan (terutamanya segmen Farmaseutikal dan Teknologi Perubatan), sektor Barangan Asasi Pengguna serta teknologi tenaga hijau bagi mengimbangi risiko portfolio pelaburan Tabung. Pelaburan taktikal juga telah dilaksanakan bagi menjana keuntungan dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pergerakan harga komoditi dunia seperti sektor Tenaga dan sektor Bahan Asas.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, Tabung telah mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit bagi setiap terbitan.

Pelaburan Tabung di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih kompetitif, dalam usaha untuk memberikan pendapatan yang berdaya saing kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Tenaga, sektor Infrastruktur dan sektor Hartanah yang mempunyai tempoh matang antara 3 sehingga 10 tahun. Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, selaras dengan risiko kredit terbitan dan masih menawarkan kredit terbitan yang tinggi. Selain itu, pelaburan tambahan turut dilakukan dalam sekuriti-sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Government Investment Issues ("GII"). Pelaburan dalam GII dilakukan bagi menjana keuntungan modal daripada aktiviti jual beli yang aktif ekoran pergerakan naik turun harga yang ketara.

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung turut melabur dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa bagi menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah sekuriti negara-negara membangun seperti Indonesia dan Arab Saudi yang mempunyai kadar terbitan yang tinggi.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran mata wang bagi memastikan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset yang aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, pertumbuhan ekonomi global kekal mampan, didorong oleh kestabilan pasaran pekerja yang berdaya tahan yang terus menyokong aktiviti penggunaan, seperti pembelian barangan dan perkhidmatan. Selain itu, ekonomi global turut disokong oleh inflasi yang semakin menurun, didorong oleh disinflasi dalam ekonomi negara-negara maju.

Sehubungan dengan itu, pasaran saham utama dunia telah mencatatkan kenaikan yang memberangsangkan, didorong oleh peningkatan kadar faedah yang semakin perlahan dan mencapai puncaknya pada akhir tahun 2023. Kemunculan arus perkhidmatan AI juga menarik perhatian pelabur terutamanya dalam sektor Teknologi Maklumat. Indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWII") telah merekodkan pertumbuhan sebanyak +11.20%, didorong terutamanya oleh Jepun (TOPIX, +22.77%), Amerika Syarikat (S&P 500, +22.70%) dan Eropah (STOXX 50, +11.25%). Pasaran saham di negara membangun yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor Teknologi Maklumat turut mendapat manfaat daripada sentimen positif seperti Taiwan (TAIEX, +36.16%) dan Korea (KOSPI, +9.11%).

Walau bagaimanapun, pasaran saham di China kekal mencatatkan penurunan dalam tempoh tinjauan (HSCEI, -1.45%), selaras dengan pemulihan ekonomi di China yang lebih perlahan berbanding jangkaan. Penurunan ketara dalam tempoh tinjauan telah dicatatkan oleh Thailand (SET, -13.45%) akibat ketidakstabilan politik yang menyebabkan keyakinan pelabur semakin berkurang.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI") telah mencatatkan kenaikan sebanyak +15.50% kepada 1,590.09 mata, daripada paras 1,376.68 mata pada 30 Jun 2023. Paras tertinggi indeks adalah pada 23 Mei 2024 dengan 1,629.18 mata dan paras terendah pada 30 Jun 2023 dengan 1,376.68 mata. Peningkatan keyakinan pelabur terhadap pasaran modal domestik boleh dilihat melalui rekod paras baharu FBM KLCI ini mutakhir ini yang mencerminkan minat pelabur global kembali tertumpu kepada naratif reformasi Malaysia.

Semua sektor dalam Bursa Malaysia telah mencatatkan peningkatan dalam tempoh tinjauan di mana peningkatan tertinggi dicatatkan oleh sektor Utiliti (+81.66%), sektor Pembinaan (+62.61%) dan sektor Hartanah (+56.71%). Prestasi positif sektor-sektor ini telah didorong oleh pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030"), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"). Sementara itu, sektor yang telah mencatatkan peningkatan terendah dalam tempoh tinjauan adalah sektor Telekomunikasi (+2.97%). Antara saham-saham komponen FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara adalah YTL Power (+99.17%), YTL Corp (+85.48%), dan Tenaga Nasional Berhad (+52.27%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah CelcomDigi (-10.46%), Maxis (-13.90%), dan Petronas Dagangan (-21.44%). Dalam tempoh tinjauan, YTL Power dan YTL Corp telah mencatatkan kenaikan masing-masing sebanyak +270.77% dan +231.73% dan telah dimasukkan ke dalam FBM KLCI pada Disember 2023.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah menurun sebanyak -1.09% kepada RM4.7175/USD pada 30 Jun 2024, berbanding RM4.6665/USD pada 30 Jun 2023. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras tertinggi iaitu RM4.5070/USD pada 31 Julai 2023 dan pada paras terendah iaitu RM4.7987/USD pada 20 Februari 2024. Prestasi mata

wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif dalam kadar faedah Amerika Syarikat untuk meredakan kenaikan kadar inflasi. Selain itu, Ringgit Malaysia juga terkesan oleh pemulihan ekonomi di China yang lebih perlahan berbanding jangkaan, yang mengakibatkan kadar eksport negara ke China kekal rendah. China merupakan antara rakan perdagangan utama Malaysia.

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia pada suku pertama tahun 2024 telah meningkat sebanyak +4.20% berbanding +2.90% pada suku keempat tahun 2023, didorong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah, pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan, serta aktiviti pelaburan swasta yang lebih giat.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, Malaysia dan negara-negara lain terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah masih berdepan kadar inflasi global yang tinggi. Kadar inflasi global yang meningkat berikutan aktiviti pembukaan semula ekonomi pasca pandemik sejak tahun 2022 telah mendorong bank-bank pusat antarabangsa untuk menaikkan dasar monetari secara agresif dalam usaha membendung inflasi. Namun, kadar inflasi yang tinggi ini kekal berada di tahap yang membimbangkan, berikutan inflasi keperluan asas yang masih tinggi dan ketegangan di Timur Tengah yang makin meningkat. Situasi ini menyebabkan bank-bank pusat terus mengekalkan dasar monetari yang ketat sehingga kini dan hanya akan menurunkan kadar faedah sekiranya kadar inflasi kembali pulih ke paras normalisasi.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") dan Bank Pusat England ("Bank of England") telah menaikkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak 25 mata asas kepada 5.50% dan 5.25%. Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") pula telah menaikkan kadar operasi pembiayaan semula sebanyak 50 mata asas kepada 4.50% tetapi telah menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 4.25% pada bulan Jun 2024.

Secara keseluruhannya, kadar hasil bon 10-tahun US Treasury telah meningkat kira-kira 56 mata asas daripada 3.84% kepada 4.40%. Peningkatan kadar hasil bond 10-tahun US Treasury adalah disebabkan oleh kesukaran kadar inflasi global untuk turun dan naratif "lebih tinggi untuk lebih lama" daripada Federal Reserve Board.

Selari dengan bank-bank pusat dunia terutamanya Amerika Syarikat, Bank Negara Malaysia ("BNM") juga telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") pada aras 3.00% berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan telah diturunkan sebanyak 20 mata asas (10 mata asas pada bulan Disember 2023, dan 10 mata asas pada bulan April 2024) daripada 2.80% kepada 2.60% bagi mengoptimumkan kos pengurusan Maybank, selari dengan situasi ekonomi semasa.

Ekoran itu, pasaran sekuriti berpendapatan tetap di Malaysia telah mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding pasaran negara maju. Penanda aras kadar hasil sekuriti hutang kerajaan Malaysia ("Malaysian Government Securities, MGS") 10-tahun turun sebanyak 1 mata asas daripada 3.87% kepada 3.86% dan mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 4.58%. Penanda aras Refinitiv-Bondstream Pricing Agency Malaysia ("BPAM") Sukuk Index pula mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 4.84%. Selain itu, bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, penawaran terbitan sekuriti berpendapatan tetap adalah terhad apabila hanya sebanyak RM73.1 billion MGS diterbitkan berbanding RM114.0 billion pada 12 bulan

sebelumnya, manakala RM98.6 billion sukuk korporat diterbitkan berbanding RM109.8 billion pada 12 bulan sebelumnya.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025, ekonomi global dijangka kekal mampan disokong oleh inflasi yang semakin menurun, pasaran pekerja yang berdaya tahan dan perdagangan global yang kembali meningkat. Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") dalam laporan 'World Economic Outlook, April 2024' telah mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.20% bagi tahun 2024 dan tahun 2025. Pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka meningkat sebanyak 0.1% pada tahun 2024 tetapi akan diimbangi oleh penurunan pertumbuhan ekonomi negara membangun pada kadar yang sama.

Impak daripada dasar monetari yang ketat dijangka akan kembali reda pada separuh kedua tahun 2024. Pada Jun 2024, European Central Bank telah membuat pemotongan pertama dalam kadar faedah daripada 4.00% kepada 3.75% bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di rantau Eropah. Dijangkakan juga, Federal Reserve Board dan Bank of England akan mengikuti langkah European Central Bank dengan memotong kadar faedah pada separuh kedua tahun 2024 berikutan inflasi yang semakin terkawal.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa risiko yang merisaukan para pelabur sedunia seperti ketegangan geopolitik di antara Amerika Syarikat dan China, ketegangan di Timur Tengah yang melibatkan beberapa negara seperti Israel, Palestin dan Iran, peningkatan drastik harga minyak dan komoditi, serta kelembapan ekonomi di China.

Selain daripada faktor luaran, pasaran tempatan turut dipengaruhi oleh beberapa isu yang boleh mengakibatkan peningkatan kadar inflasi seperti pelan kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar dan nilai mata wang Ringgit Malaysia yang kian lemah. Kadar inflasi yang tinggi akan mengakibatkan kenaikan kos sara hidup dan menjejaskan lagi kuasa beli pengguna, terutamanya terhadap barangan kehendak.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta akan sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan akan terus mempelbagaikan aset dalam portfolio pelaburan meliputi sekuriti berpendapatan tetap, ekuiti dan pasaran wang yang dijangka akan dapat membantu kadar pulangan Tabung supaya kekal kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko portfolio pelaburan.

Dalam suasana ketidaktentuan pasaran yang meningkat, Pengurus Pelaburan akan mengambil peluang untuk mengaut keuntungan dalam pasaran ekuiti, di samping mengekalkan pegangan tinggi dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pengurus Pelaburan juga mungkin akan mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan di dalam aset berisiko rendah seperti pelaburan dalam pasaran wang sekiranya berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

i. Ekuiti

a. Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan pulangan dividen yang stabil. Pelaburan ekuiti akan dilakukan secara selektif dalam usaha

memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu.

Tabung akan menumpukan pelaburan dalam sektor Pembinaan yang dijangka akan terus mendapat manfaat didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan dan swasta seperti projek-projek pembangunan pusat data, projek Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas serta lain-lain projek infrastruktur.

Pengurus Pelaburan akan turut melabur dalam sektor Tenaga dan sektor Utiliti susulan pelancaran projek NETR yang menyasarkan peluang pelaburan sebanyak RM25 bilion merangkumi projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") seperti solar dan hidrogen. Selain itu, pelaburan secara taktikal turut akan dilakukan dalam sektor Teknologi Maklumat yang dijangka akan menikmati faedah daripada peningkatan pelaburan dalam sektor semikonduktor bernilai tinggi berikutan ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat, yang menyebabkan syarikat-syarikat multinasional memindahkan operasi dari China ke Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain. Sektor Tenaga, sektor Utiliti dan sektor Teknologi Maklumat juga akan turut memperoleh manfaat hasil daripada pembangunan pusat data di Malaysia.

b. Antarabangsa

Pengurus Pelaburan juga akan terus menumpukan pelaburan dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi antarabangsa dan kadar tukaran mata wang asing. Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, berdasarkan geografi yang ditentukan setelah membuat pertimbangan mengenai arah aliran geopolitik dan dagangan sedunia.

Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik serta sektor-sektor yang kurang terkesan oleh ketidaktentuan geopolitik. Bagi mengurangkan risiko portfolio, pelaburan Tabung akan tertumpu dalam sektor yang lebih defensif seperti sektor Utiliti dan sektor Penjagaan Kesihatan terutamanya Farmaseutikal, disokong oleh keperluan penduduk dunia untuk kekal menggunakan ubat-ubatan tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Tabung akan melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat yang mendapat manfaat daripada perkembangan industri AI. Pengurus Pelaburan juga akan memberi perhatian kepada industri kenderaan elektrik dan teknologi tenaga hijau, yang mendapat manfaat daripada usaha berterusan negara-negara di seluruh dunia untuk mencapai kadar sifar karbon pada masa hadapan.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Mengambil kira jangkaan bank-bank pusat dunia menghampiri penghujung kitaran kenaikan kadar pada tahun 2024, Pengurus Pelaburan menyusun strategi untuk memberi keutamaan kepada pelaburan dalam sukuk korporat yang lebih defensif dan memberikan kadar hasil yang lebih lumayan tatkala pasaran yang kurang menentu. Pelaburan Tabung dalam sukuk korporat akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kadar hasil yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung. Pegangan akan tertumpu kepada sukuk korporat dengan purata penarafan "AA" dan tempoh matang antara 5 sehingga 10 tahun. Syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil akan dipilih untuk memberikan pendapatan yang kompetitif kepada

Tabung. Tabung juga akan mempelbagaikan pelaburan dalam sukuk korporat menerusi kepelbagaian sektor seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Hartanah. Durasi boleh ubah Tabung juga akan mengambil kira faktor ekonomi domestik dan antarabangsa, seperti kadar inflasi dan kadar pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, terdapat juga risiko kenaikan semula inflasi di mana bank-bank pusat dijangka akan meneruskan kadar dasar yang tinggi atau meningkatkan kadar dasar dalam membendung inflasi. Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan secara taktikal meningkatkan pegangan tunai dan menanti peluang pelaburan di dalam GII, yang mampu menjana keuntungan modal tatkala kadar hasil yang tidak menentu. Pengurus Pelaburan akan menyeimbangkan semula perumpukan aset di antara sukuk korporat dan sukuk hutang kerajaan Malaysia berdasarkan ekonomi semasa.

Pelaburan di pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa juga akan terus dilaksanakan secara taktikal, setelah mengambil kira faktor seperti kadar hasil, penarafan kredit dan pergerakan mata wang bagi menambahkan lagi pulangan kepada para pelabur. Pengurus Pelaburan akan mencari peluang dalam pasaran sukuk negara-negara membangun seperti Indonesia dan Arab Saudi, yang mempunyai penarafan antarabangsa yang stabil dan kadar hasil yang lebih tinggi daripada sukuk tempatan. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi.

Pengurus Pelaburan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta melakukan pelarasan strategi dalam usaha untuk menjana kadar hasil yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama mencapai objektif Tabung.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2024, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 19 Ogos 2024.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
19 Ogos 2024

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
19 Ogos 2024

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 3 DIDIK

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2024, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 19 Ogos 2024.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh SC dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT	**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor**
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039 Akauntan Bertauliah	No. 03083/07/2025 J Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
19 Ogos 2024

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran wang, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		72,317,575	71,391,214
Pendapatan dividen		196,002,028	247,382,599
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		216,769,550	132,929,904
Kerugian bersih kontrak kadar tukaran asing		(1,081,891)	-
Keuntungan bersih kadar tukaran asing		670,053	9,403,525
		484,677,315	461,107,242
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	27,873,111	26,718,090
Yuran pemegang amanah	6	600,000	600,000
Ganjaran juruaudit		35,000	30,500
Yuran ejen cukai		4,900	4,700
Perbelanjaan pentadbiran		13,065,311	8,947,300
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		21,702,288	63,430,548
		63,280,610	99,731,138
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		421,396,705	361,376,104
CUKAI	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		421,396,705	361,376,104
Pengagihan pendapatan	8	401,948,111	364,132,239
Pengagihan kasar dan bersih seunit		5.25 sen	5.00 sen
Tarikh pengagihan		1 Julai 2024	1 Julai 2023

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		421,396,705	361,376,104
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		**421,396,705**	**361,376,104**
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		421,396,705	350,270,769
Tidak ternyata		-	11,105,335
		421,396,705	361,376,104

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	5,180,777,467	2,175,226,892
Pembelian pelaburan	(5,358,630,914)	(2,920,662,841)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	-	(650,088,756)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	650,088,756	437,124,742
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	92,961,210	67,688,613
Pendapatan dividen diterima	104,761,729	246,147,213
Pembayaran yuran pengurus	(27,773,595)	(26,627,658)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(600,000)	(600,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(13,017,553)	(9,005,044)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	628,567,100	(680,796,839)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	363,542,580	468,252,100
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	-	(168,500,000)
Pengagihan dibayar	(364,132,239)	(297,508,457)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	(589,659)	2,243,643
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	627,977,441	(678,553,196)
PERBEZAAN PERTUKARAN MATAWANG ASING	682,731	9,403,525
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	238,394,351	907,544,022
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	867,054,523	238,394,351
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	95,394,923	44,414,466
Deposit dengan institusi kewangan	771,659,600	844,068,641
	867,054,523	888,483,107
Deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	-	(650,088,756)
	867,054,523	238,394,351

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 JUN 2024

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3-DIDIK ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan perlaksanaan Surat Ikatan bertarikh 14 April 2001, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinasikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 20 April 2001, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbit menurut resolusi para Pengarah pada 19 Ogos 2024.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

SC telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana PNB dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunapakai MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunapakai MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2023 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan tidak (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

(g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

(i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.

(ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.

(iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi

tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

(i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.

(ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa pengiktirafan rosot nilai pelaburan adalah sebanyak RM21,702,288 (2023: RM63,430,548).

5. YURAN PENGURUSAN

Klausa 13.1 dan Jadual ke Lapan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 ialah 0.35% (2023: 0.35%) setahun daripada VOF Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM600,000 setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 ditetapkan pada RM600,000 (2023: RM600,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2024	2023
	RM	RM
Peruntukan pengagihan	401,948,111	364,132,239

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 30 Jun 2024 sebanyak 5.25 sen (2023: 5.00 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berasaskan purata baki minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit sepanjang tempoh 12 bulan sehingga akhir tahun kewangan.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2024 RM	2023 RM
Pendapatan dari instrumen, pasaran wang sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	72,317,575	71,391,214
Pendapatan dividen	196,002,028	247,382,599
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	196,239,065	132,929,894
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	670,053	(1,701,810)
Pendapatan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	-	13,861,480
	465,228,721	463,863,377
Tolak: Perbelanjaan	(63,280,610)	(99,731,138)
Jumlah pengagihan	401,948,111	364,132,239
Pengagihan kasar dan bersih seunit	5.25 sen	5.00 sen

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2024		2023	
	Unit	RM	Units	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	7,363,082,100	7,363,082,100	7,062,030,000	7,062,030,000
Penjadian unit				
Untuk jualan	362,217,900	362,217,900	173,282,100	173,282,100
Untuk pengagihan	1,324,680	1,324,680	294,970,000	294,970,000
Pembatalan unit	-	-	(167,200,000)	(167,200,000)
Pada akhir tahun	7,726,624,680	7,726,624,680	7,363,082,100	7,363,082,100

10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2024, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2024, PNB secara sah memegang 10,524,626 unit (2023: 2,269,307 unit), merangkumi 0.14% (2023: 0.03%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
Syarikat Broker	**RM**	**%**	**RM**	**%**
RHB Investment Bank Berhad**	411,777,393	11.68	121,483	6.41
Ambank Berhad**	271,399,465	7.70	-	-
Malayan Banking Berhad*	232,440,322	6.59	-	-
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	202,228,001	5.74	254,830	13.46
JPMorgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	168,799,087	4.79	171,290	9.05
Maybank Investment Bank Berhad**	152,125,660	4.31	107,430	5.67
Bank Islam Malaysia Berhad*	149,415,537	4.24	-	0.00
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd	145,723,321	4.13	192,789	10.18
Amislamic Bank Berhad*	145,543,804	4.13	-	-
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	140,592,894	3.98	185,885	9.82
Lain-lain	1,505,767,946	42.71	859,721	45.41
	3,525,813,431	100.00	1,893,429	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2024	**2023**
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.55 kali	0.35 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2024	2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.57%	0.51%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur dengan teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Jesteru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

Risiko Kadar Keuntungan

Risiko kadar keuntungan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar keuntungan yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan secara aktif dengan mengekalkan potfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewagan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 **Kuala Lumpur,** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, 62675 **Putrajaya,** Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 &18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 **Shah Alam,** Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 **Kuala Selangor,** Selangor
MELAKA	**NEGERI SEMBILAN**
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, **Bukit Baru,** 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 **Seremban,** Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 **Ipoh,** Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 **Teluk Intan**, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 **Kuantan,** Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 **Temerloh,** Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 **Bayan Lepas,** Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 **Seberang Jaya,** Pulau Pinang
PERLIS	**TERENGGANU**
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 **Kangar,** Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Satu, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 **Kuala Terengganu,** Terengganu ***Ahad - Khamis*** ***8:15am - 4:00pm*** ***(Kecuali Cuti Umum)***
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 **Alor Setar,** Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 **Sungai Petani**, Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 **Batu Pahat** Johor	Lot No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 **Johor Bahru** Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 **Segamat**, Johor	

KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 **Kota Bharu**, Kelantan *Ahad - Khamis* *8:15am - 4:00pm* *(Kecuali Cuti Umum)*	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 **Pasir Puteh**, Kelantan *Ahad - Khamis* *8:15am - 4:00pm* *(Kecuali Cuti Umum)*
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 **Kota Kinabalu**, Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & Satu Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 **Tawau,** Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 **Lahad Datu**, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 **Keningau**, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 **Sandakan**, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 **Kuching**, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 **Miri,** Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 **Bintulu**, Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudong Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 **Limbang**, Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 **Sri Aman**, Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 **Sibu,** Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

E-MEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

E-MEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN